

Headline	Sekolah Seri Puteri perkenal sistem pembayaran online		
MediaTitle	Kosmo		
Date	26 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	18	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	200 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,210
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,631



## Sekolah Seri Puteri perkenal sistem pembayaran online

**CYBERJAYA** – Sekolah Seri Puteri (SSP) di sini merupakan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) yang pertama memperkenalkan sistem pembayaran persekolahan menerusi online bagi memudahkan urusan pendaftaran pelajar.

Pelaksanaan sistem yang dikenali sebagai Seri Puteri e-Terima (SPeT) dengan kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) itu dianggap sebagai satu kejayaan sekaligus menjadi perintis kepada SBP lain.

Pengarah Bahagian Pengurusan SBP dan Sekolah Kecermerlangan Kementerian

Pendidikan Malaysia, Datuk Rashidah Md. Arif berkata, SPeT dapat membantu ibu bapa untuk membuat pembayaran tanpa beratur panjang sekali gus menjimatkan masa selain tidak perlu membawa wang tunai yang banyak ke sekolah.

“Selepas ini, ibu bapa boleh menjelaskan bayaran asrama, koperasi dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) secara dalam talian dengan menggunakan kaedah sistem perakaunan tunai melalui BIMB dengan mudah serta pantas,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis

Pelancaran SPeT di SSP di sini semalam.

Turut hadir Yang Dipertua PIBG SSP, Datin Seri Ismailina Ismail dan Pengetua SSP, Nor Aishah Abdullah.

Menurut Rashidah, SPeT juga akan diperluaskan ke seluruh SBP lain sekiranya kaedah itu berjaya dilaksanakan.

Sementara itu, Nor Aishah berkata, SPeT yang akan dilaksanakan bermula sesi persekolahan 2017 adalah saluran bagi membolehkan ibu bapa membuat pembayaran sebelum bermulanya sesi persekolahan tahun depan.



RASHIDAH (tengah) merasmikan Majlis Pelancaran SPeT di SSP, Cyberjaya semalam. Turut hadir Nor Aishah (dua dari kiri) dan Penolong Pengurus Besar BIMB, Bostamam Hasan (kanan).